SELANGOR KINI

PERCUMA 12 - 18 Disember 2019, 15 - 21 Rabiulakhir 1441

Sembah Tahniah dan
Ucap Selamat sempena
Ulang Tahun Hari
Keputeraan ke-74
Duli Yang Maha Mulia
Sultan Selangor
pada 11 Disember 2019

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

EDARAN DIGITAL SELANGOR KINI

DAULAT TUANKU

Semoga Allah Lanjutkan Usia Tuanku

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (TERENGGANU), D.K. (KELANTAN), D.K. (PERAK), D.K. (PERLIS),
D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (KEDAH), D.K. (JOHOR), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

SEMBAH TAHNIAH DAN UCAP SELAMAT

SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-74
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR
PADA 11 DISEMBER 2019 BERSAMAAN 14 RABIULAKHIR 1441H

Sembah Takzim Daripada

Y.A.B. Tuan Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor
Kerajaan & Seluruh Rakyat Negeri Selangor Darul Ehsan

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

MBI
Menteri Besar Selangor Incorporated

EDARAN DIGITAL SELANGORKINI

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

Tonggak keamanan, perpaduan Selangor

Sultan Sharafuddin Idris Shah prihatin isu rakyat

OLEH **NAZLI IBRAHIM**

Rakyat Selangor sememangnya cukup bertuah kerana memiliki seorang sultan yang prihatin dengan perkembangan semasa seluruh negeri.

Keprihatinan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dapat dilihat menerusi ketegasan titah ucapan baginda dan juga lawatan yang diadakan.

Perkara yang disentuh baginda termasuk isu membabitkan fahaman liberalisme yang memperjuangkan hak kesamarataan sehingga membawa budaya lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

"Ancaman sebegini adalah api dalam sekam yang sedang memusnahkan Islam dan pengikutnya dari dalam," titah baginda pada Majlis Istiadat Pengurniaan Tauliah Nazir dan Imam-Imam Negeri Selangor, di Balairung Seri, Istana Alam Shah Klang pada 3 Mac lalu.

Selain prihatin dengan isu semasa, baginda juga sering terbabit dengan program membabitkan kesedaran penjagaan alam sekitar.

Pada 21 Julai lalu, baginda berkenan berangkat menyempurnakan Program Tanam Pokok Dalam Bandar Negeri Selangor 2019 di Lingkaran Cyberpoint Barat, Cyberjaya.

Dalam program itu, baginda berkenan menyempurnakan penanaman sebatang pokok 'Swietenia Macrophylla' atau dikenali sebagai Pokok Tunjuk Langit.

Sebanyak 1,500 pokok teduhan dan 3,000 pokok renek ditanam di Lingkaran Cyberpoint Barat sempena program berkenaan. Majlis ini membabitkan penyertaan 2,000 orang terdiri daripada penjawat awam, pelajar institusi pengajian tinggi dan sekolah serta ahli badan bukan kerajaan.

Ambil berat kebajikan Orang Asli

Baginda turut mengambil berat terhadap kebajikan dan pembangunan masyarakat Orang Asli.

Ketika berangkat ke Program Perjumpaan DYMM Sultan Selangor dengan Masyarakat Orang Asli di Pulau Carey pada 3 November lalu, baginda menitahkan supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri memberikan peruntukan secukupnya untuk golongan itu demi pembangunan mereka.

"Beta berharap kepentingan Orang Asli sentiasa dipelihara dan tumpuan harus diberikan kepada pembangunan asas Orang Asli," titah baginda.

Baginda juga berkenan supaya tanah seluas 584.852 hektar (1,445.2 ekar) yang diwartakan Kerajaan Negeri untuk penempatan dan kegunaan masyarakat Orang Asli di Pulau Carey dimanfaatkan untuk kemajuan serta kesejahteraan mereka.

Sama seperti tahun-tahun sebelumnya, Program Ihya' Ramadan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bersama rakyat diteruskan.

Istimewanya kali ini, baginda berkenan berangkat ke Majlis Berbuka Puasa Bersama 'The Navy People' di atas Kapal Diraja (KD) Lekiu dan KD Jebat di Pengkalan TLDM Pusat Hidrografi Nasional, Pulau Indah.

Dalam majlis itu, baginda yang juga Kepten Yang Dipertua Tentera Laut Diraja Malaysia bersama hampir 100 warga TLDM dan anak kapal berbuka puasa dan menunaikan solat Maghrib, Isyak juga Terawih secara berjemaah di sana.

Dukacita kejadian menimpa Adib

Selain itu, baginda turut menzahirkan perasaan dukacita terhadap kejadian yang menimpa anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim.

"Beta difahamkan Allahyarham diserang ketika menjalankan tugas memadamkan kebakaran dalam kejadian rusuhan di pekarangan Kuil Sri Maha Mariamman USJ, Subang Jaya pada 27 November 2018.

"Beta ingin menzahirkan rasa simpati dan ucapan takziah kepada waris dan ahli keluarga serta berharap mereka redha juga tabah menerima ketentuan ini," titah baginda dalam utusan takziah kepada bapa Allahyarham.

Kecintaan terhadap seni juga terserlah apabila baginda berkenan berangkat ke beberapa pameran seni.

Antaranya pameran seni lukis bertemakan Masjid - MIHRAB di Kuala Lumpur pada 2 November lalu dan Art Expo Malaysia 2019 di Pusat Pameran MATRADE Kuala Lumpur pada 10 Oktober lalu.

Prihatin isu ekonomi

Baginda turut mengambil berat terhadap isu ekonomi khasnya membabitkan pelaburan di Selangor.

Ia kerana pertumbuhan ekonomi yang sihat mampu menarik kedatangan pelabur, sekaligus membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

Pada 10 Oktober lalu, Sultan Sharafuddin berkenan berangkat menyempurnakan perasmian Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di Kuala Lumpur.

Baginda juga melawat ke reruai pameran Persidangan Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2019 yang menjadi medan pertemuan pelabur tempatan, asing, syarikat multinasional serta perusahaan kecil dan sederhana bertemu.

Manakala pada 25 Jun lalu, baginda turut berangkat meraikan Sambutan 50 Tahun Pengeluaran Toyota di Malaysia di Kawasan Perindustrian Bukit Raja, Klang.

Mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja

Sultan Sharafuddin mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-252 (Khas) sempena Istiadat Melafaz dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 31 Januari lalu.

Baginda turut mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 yang juga berlangsung di Balairung Seri, Istana Negara pada 4 Julai lalu.

EDARAN SELANGOR

Tonton TVSelangor
selangortv.my

Tampil santai, lemah lembut jadi tumpuan

Tengku Permaisuri Norashikin inspirasi, kebanggaan rakyat

OLEH **NORHAYATI UMOR**

Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin sekali lagi meraih tumpuan ramai apabila menyampaikan titah ucapan sempena ulang tahun stesen televisyen RTM pada April lalu.

Video yang dimuat naik menerusi akaun Instagram Selangor Royal Official itu pastinya menggamit kenangan warganet suatu ketika dahulu.

Baginda ketika itu, memikat hati rakyat menerusi kesantunan sebagai pembaca berita.

Santun berbicara, rakaman video itu mendapat pujian daripada peminat yang merindukan Tengku Permaisuri Norashikin muncul di kaca televisyen.

Masakan tidak diingat, baginda juga pernah menerima Anugerah Penyampai Berita TV Terbaik ketika Anugerah Seri Angkasa pada tahun 2005.

Selain ramai yang tertawan dengan kecantikan dan kelembutan yang dimiliki Tengku Permaisuri Norashikin, penampilan baginda ketika berada di khalayak juga sering mencuri perhatian.

Selain itu, berbaju kurung, rantai dan anting-anting mutiara juga tidak lekang pada sosok tubuh Tengku Permaisuri Norashikin, imej anggun baginda pasti sentiasa diingati dalam hati rakyat jelata.

Inspirasi wanita moden

Malah, ramai wanita menjadikan Tengku Permaisuri Norashikin sebagai sumber inspirasi bukan sahaja daripada segi keperibadian, bahkan gaya dan citarasa fesyen baginda.

Tidak hanya pandai berfesyen, baginda turut dikenali sebagai lambang kesantunan wanita.

Keperibadian baginda amat menenangkan serta menjadi contoh tauladan kepada rakyat jelata.

Namun sopan santun tidak menjadikan halangan untuk baginda aktif menyertai pelbagai program.

Selain keanggunan dan keprihatinan baginda yang begitu mempesona, Tengku Permaisuri Norashikin yang menjadi kesayangan rakyat jelata sentiasa dinanti-nanti sewaktu hadir ke majlis rasmi atau turun padang bertemu masyarakat khususnya rakyat Selangor.

Di samping berkenan berangkat ke program membabitkan kanak-kanak, golongan kurang bernasib baik atau haiwan peliharaan, baginda juga aktif mengikuti acara berbentuk sukan dan amalan gaya hidup sihat.

Antaranya, baginda begitu aktif menyertai acara larian seperti Women Marathon, Larian Menjunjung Kasih dan International Songket Run.

Menariknya, walaupun selesai berlari dan tanpa secalit mekap baginda tetap kelihatan segar serta cantik.

Melihat stamina, tentunya orang beranggapan, baginda seorang yang gemar bersukan.

Gemar aktiviti santai, dekati rakyat

Pada Julai lalu, Tengku Permaisuri Norashikin melakukan aktiviti riadah secara santai di Santuari Ikan Sungai Chiling di Kuala Kubu Bharu.

Selain berkenan melepaskan sejumlah benih ikan kelah di lokasi sungai berkenaan, baginda juga menelusuri denai hutan sejauh hampir empat kilometer dan meranduk air sungai untuk menuju ke Air Terjun Sungai Chiling.

Tidak hanya aktif bersukan, daripada riak wajah baginda, terpancar keterujaan baginda mendekati rakyat dan mendalami aktiviti harian penduduk ketika baginda turun ke Sekinchan, pada Mei lalu.

Lengkap berpakaian kasual kemeja lengan panjang dan seluar sedondon putih serta kasut sneakers, kunjungan sehari Tengku Permaisuri Norashikin itu turut dimanfaatkan dengan melawat lokasi menarik di sana.

Baginda dibawa ke Ah Ma House untuk melihat demonstrasi membuat kuih tradisional masyarakat Cina. Enggan melepaskan peluang, baginda sendiri berkenan mencuba memasak kuih kapit menggunakan kaedah lama.

Walaupun panas dan memakai sarung tangan untuk menghasilkan kuih tradisi Cina itu, tetapi jelas terserlah reaksi teruja baginda menikmati pengalaman cukup bermakna berkenaan.

Tidak mahu ketinggalan menyaksikan suasana persekitaran dan keindahan jelapang padi, baginda juga berkenan mengayuh basikal sejauh 500 meter untuk ke Muzium Padi.

Pada September lalu, baginda berkenan menyertai ekspedisi menjejak spesies orkid liar di Taman Negeri Selangor, Bukit Fraser.

Program Ekspedisi Diraja yang julung kali diadakan itu bertujuan mengumpul, mendokumentasi serta menjalankan kajian sains ke atas kepelbagaian orkid, tumbuhan hiasan dan tumbuhan ubatan. Selain itu, pada Ramadan lalu, baginda turut mencemar duli dengan singgah di Bazar Ramadan Stadium Shah Alam.

Tambah menarik, apabila baginda turut membawa mangkuk tingkat untuk mengisi juadah yang dibeli tanpa menggunakan beg plastik.

Tindakan permaisuri itu antara contoh yang patut diikuti rakyat Selangor.

SELANGOR KINI
SIDANG PENGARANG
PENASIHAT Lembaga Editorial CCSB
PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar
PENGARANG Nurul Farina Nazlan
PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Teon Eg
WARTAWAN
Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,
Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com,
Norhayati Umor hayati@mediaselangor.com,
Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com
Nadiah Zamlus sitinadiah@mediaselangor.com
Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com
JURUGAMBAR Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof
REKA LETAK Azwa, Nor Azarina, Farah Azila, Zul
JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN
Nadhrah Azlan nadhrah@mediaselangor.com
Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

EDARAN SELANGOR

Daulat Tuanku

Merafak Sembah & Setinggi-Tinggi Ucapan Tahniah

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (TERENGGANU), D.K. (KELANTAN), D.K. (PERAK), D.K. (PERLIS), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (KEDAH), D.K. (JOHOR), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

Sempena
Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan ke 74 D.Y.M.M. Sultan Selangor

Pada
Hari Rabu 11 Disember 2019 bersamaan 14 Rabiulakhir 1441 H

Semoga Allah Lanjutkan Usia Dan Merahmati Pemerintahan Tuanku

Sembah Takzim Daripada :

PKNS

EDARAN DIGITAL SELANGORKINI

Tonton **TVSelangor**
selangortv.my

Aktif, prihatin kebajikan semua peringkat

Raja Muda Selangor miliki karisma tersendiri

OLEH **AFIX REDZUAN**

KARISMA Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah menyerlahkan ketokohan baginda dalam pelbagai bidang.

Pada usia 29 tahun, baginda terus menyumbang cetusan idea bernas untuk memajukan Selangor yang berhasrat menjadi negeri pintar menjelang 2025.

Saban tahun, pelbagai bentuk program mendekati rakyat membabitkan hal ehwal kebajikan diaturkan supaya baginda dapat bertemu sendiri bagi mendengar luahan mereka, di samping memberikan sumbangan.

Jelajah ke daerah Kuala Langat membuka tirai keberangkatan baginda mendekati kehidupan rakyat jelata bagi edisi 2019.

Pada acara selama tiga hari bermula 21 hingga 23 Mac lalu, baginda melihat lebih dekat beberapa perniagaan industri kecil sederhana (IKS) yang dibangunkan penduduk tempatan, antaranya perusahaan madu kelulut di Taman Rekreasi Paya Bakau di Sijangkang.

Dalam jelajah sama, baginda berkenan melawat Muzium Insitu, Bukit Jugra dan Istana Bandar serta menunaikan solat Jumaat di Masjid Diraja Sultan Alaeddin, Jugra.

Lebih menarik, Tengku Amir Shah turut menunggang Vespa untuk melawat ke kilang pembuatan kerepek dan menikmati suasana petang di Pantai Morib.

Jelajah ke daerah Gombak pada Julai, dan September pula di Sabak Bernam, juga dengan misi yang sama untuk menyelami kehidupan rakyat serta melawat tempat menarik di Selangor.

Antara lokasi tumpuan sepanjang jelajah berkenaan adalah Rawang Bypass, Institut Kraf Negara, Taman Rekreasi Templer, kilang semaian padi di Sekinchan serta kilang pembuatan tempe juga minyak kelapa dara.

Tengku Amir Shah turut mempamerkan kemahiran menaikkan hasil laut menggunakan pukat hanyut selepas menyelusuri perjalanan sejauh dua batu nautika ketika lawatan di Bagan Nakhoda Omar bersama wakil Jabatan Perikanan.

Kebajikan jadi keutamaan

Tengku Amir Shah tidak pernah sunyi dengan aktivti kebajikan terutama membabitkan anak yatim khususnya menjelang sambutan hari raya terutama Hari Raya Aidilfitri.

Saban tahun, baginda pastinya akan menyantuni golongan berkenaan dan menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai bagi membolehkan mereka membeli keperluan menyambut hari raya.

Sumbangan RM100 setiap seorang yang diperuntukkan Majlis Agama Islam Selangor melalui Yayasan Islam Darul Ehsan pastinya membawa makna besar kepada penerima.

Baginda turut menzahirkan keprihatinan kepada pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dengan sumbangan berbentuk pakaian bagi perayaan Deepavali.

Untuk tahun ini juga, Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli ke Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah bagi menampung 300 pelajar.

Kompleks yang akan dibina di atas tanah seluas 1.407 hektar dan menelan perbelanjaan berjumlah RM10 juta itu dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2021.

Ekonomi dan Pendidikan

Tengku Amir Shah amat menitik beratkan soal pendidikan dan ekonomi yang baik supaya hasrat itu dapat direalisasikan secara bersama.

Pada Forum Ekonomi Belia 2019 anjuran Persatuan Alumni Perdana Felo, di Sasana Kijang Bank Negara Malaysia pada 9 November lalu, baginda bertitah supaya dasar pendidikan di universiti perlu dikaji semula bagi mengurangkan lambakan pengangguran dalam kalangan graduan di negara ini.

"Kerajaan perlu mewujudkan dasar yang membolehkan graduan muda memenuhi tuntutan di dalam industri negara, malahan program di institusi pendidikan tinggi sewajarnya mampu mencapai kepada mereka yang memerlukan di kawasan pedalaman," titah baginda.

Dalam titah berkenaan, baginda turut menyentuh soal jumlah graduan yang tinggi tetapi tidak seiring dengan keperluan tenaga kerja negara.

Daripada sudut pembangunan ekonomi, baginda turut berkenan berangkat menghadiri Pitch at Palace ASEAN Edition di Bangkok, Thailand sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-35.

Dalam program berkenaan, baginda sebagai Penaung Diraja Selangor Youth Community berkenan mengadakan pertemuan dengan HRH Duke of York, Prince Andrew bagi membincangkan kerjasama dua hala ke arah memantapkan lagi program pembangunan usahawan dari Selangor untuk melangkah ke peringkat global.

Membudayakan sukan

Bidang sukan begitu dekat di hati Tengku Amir Shah yang sentiasa aktif menerusi beberapa kejohanan dianjurkan di peringkat tempatan.

Bola sepak pastinya menjadi keutamaan kerana selaku Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Selangor (FAS), baginda sentiasa memastikan kemudahan dan kelengkapan pasukan berada dalam keadaan baik.

Pada 24 Julai lalu, baginda menyempurnakan pelancaran pusat latihan dan pejabat baharu FAS di Padang Latihan SUK, Seksyen 5, Shah Alam.

Pusat latihan berkeluasan 121,920 meter persegi itu dilengkapi padang latihan, gimnasium dan kawasan rawatan fisioterapi.

Kemudahan baru itu antara perubahan yang dibawa baginda sejak menerajui FAS pada 9 November 2018. Perubahan lain yang sudah diperkenalkan adalah pas semusim Red Giants yang membolehkan penyokong menerima lebih manfaat sebagai ahli.

Di samping itu, baginda turut berkenan menyertai jelajah berbasikal sejauh 155 kilometer dalam acara 'Shah Alam International Enduride (Endurance Ride) 2019'.

Untuk tahun ini juga, baginda turut mencemar duli menyertai Kayuhan Menjunjung Kasih 2019 sejauh 40 kilometer bermula di Galeri Jualan Sime Darby, Bandar Bukit Raja.

Kayuhan anjuran Sime Darby Property Berhad dengan kerjasama Majlis Perbandaran Klang itu diadakan sempena meraikan Keputeraan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

EDARAN SELANGOR

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

KSSB

KUMPULAN SEMESTA SDN BHD

Sekalung Tahniah

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor

merangkap

Pengerusi PKNS

di atas penganugerahan

Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS)

Yang Membawa Gelaran

DATO' SERI

Sempena

Ulang Tahun Hari Keputeraan ke 74 D.Y.M.M. Sultan Selangor

Daripada

Ahli Pengurusan dan Seluruh Warga Kerja

PKNS

EDARAN DIGITAL SELANGORKINI

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, PENGURUSAN & KAKITANGAN

INVEST SELANGOR
THE GOLDEN STATE OF MALAYSIA

DAULAT TUANKU

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan),
D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat

Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

SEPANG
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis, Pegawai Dan Kakitangan
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Serta Seluruh Warga Sepang

Tonton TVSelangor
selangortv.my

Sultan Sharafuddin jadi pedoman Kerajaan Negeri

Selangor terus maju, kekal peneraju

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan dan Yang DiPertuan Negeri Selangor serta segala daerah takluknya dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Patik mewakili rakyat jelata, kepimpinan serta pentadbiran Kerajaan Negeri, merafak sembah taat setia dan menjunjung kasih tahniah buat Sultan Sharafuddin Idris Shah bersempena Ulang Tahun Keputeraan Tuanku yang ke-74.

Patik dan seluruh rakyat jelata amat bersyukur kepada Allah SWT kerana diberi izin oleh-Nya untuk dinaungi kedaulatan Tuanku Sultan. Patik sekalian senantiasa mendoakan agar Tuanku dan Tengku Permaisuri serta kerabat Diraja Selangor dikurniakan dan dilimpahi rahmat, kemuliaan serta kesihatan yang baik hendaknya.

Tuanku dengan segala kebesarannya bermurah hati memberi izin menaungi patik sekalian mentadbir Selangor. Betapa berbangga serta bertuahnya patik dan seluruh rakyat jelata dinaungi dan dikemudi Tuanku.

Negeri hebat ini bagaikan bahtera yang lincah dan tangkas. Ianya seumpama bahtera pinisi orang-orang Bugis, sederhana akan tetapi lincah dan besar cita-citanya.

Istilah Pinisi itu merupakan gabungan dua perkataan iaitu Picuru yang bermaksud orang-orang baik dan Binisi, sejenis ikan kecil yang tangkas serta lincah. Makanya, demi memastikan Selangor gagah belayar dan megah bersaing, patik dan sekalian barisan pentadbiran akan senantiasa menjadikan Tuanku sebagai pedoman, mengemudi bahtera dengan tangkas, lincah dan berani. Kami setia dikemudi Tuanku, sama ada ke utara, selatan, timur mahupun barat.

Keprihatinan Tuanku terhadap kemaslahatan rakyat sentiasa menjadi tauladan kepada patik dan pentadbiran Kerajaan Negeri.

Selangor terus mencatat kegemilangan di bawah naungan Tuanku. Selangor terus mencatatkan kejayaan demi kejayaan dalam pelbagai lapangan.

Kita telah berjaya mencatatkan pelaburan RM16.4 bilion dalam sektor pembuatan sepanjang Januari hingga September lalu sebagaimana Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Jumlah ini melangkaui sasaran RM10 bilion ditetapkan Kerajaan Negeri dan sekali gus menjadikan Selangor berada di kedudukan teratas di antara negeri yang menerima pelaburan setakat suku ketiga tahun ini.

Amalan terbaik pengurusan

Selangor juga mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam dengan menerima anugerah Amalan Terbaik Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam. Kesungguhan Kerajaan Negeri dalam mengutamakan ciri tadbir urus yang baik serta menghayati budaya integriti terbukti membuahkan hasil, kemuncaknya apabila Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri muncul Juara Anti Rasuah yang diiktiraf Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada 9 Disember lepas.

Dengan tema belanjawan 'Selangor Negeri Unggul, Kehidupan Bermartabat' makanya Belanjawan Selangor 2020 dibangunkan berdasarkan lima strategi berikut, Menjana Pertumbuhan dan Pemberdayaan Ekonomi Negeri, Merencana Agenda Pendidikan Unggul, Mewujudkan Selangor yang Selamat, Sihat dan Sejahtera, Menjamin Kelestarian Alam Sekitar serta Menjuarai Kemampanan Sosial.

Kerajaan Negeri juga bercita-cita besar demi memacu kemajuan negeri. Kita turut bertekad untuk menyumbang 30 peratus daripada KDNK negara menjelang 2030. Kita bercita-cita untuk menjadikan Selangor sebagai negeri pintar terunggul di rantau ini yang dapat menyediakan 60 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi daripada jumlah tenaga kerja berkemahiran tinggi di Malaysia.

Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi negeri mahupun jabatan serta agensi persekutuan di Selangor, memerlukan kombinasi gerak kerja yang berkesan, di samping bersifat akomodatif kepada persekitaran pasaran serta peniagaan.

Justeru pada 2020, selaras dengan agenda ini, Kerajaan Negeri sukacita untuk memperkenalkan Dasar Kelulusan 100 Hari melibatkan proses memperoleh kebenaran merancang dan urusan pembangunan tanah. Tempoh masa ini akan ditetapkan sebagai tempoh masa maksimum bagi urusan berkaitan sehingga mencapai tahap kelulusan penuh. Bagaimanapun pemudahcaraan proses ini, masih kekal dalam kerangka perundangan yang sedia ada tanpa Kerajaan Negeri berkompromi dengan prosedur dan tatacara yang kekal berkuatkuasa.

Keperihatinan Tuanku terhadap isu alam sekitar menjadi inspirasi buat patik dan rakyat jelata. Oleh kerana itu pada 2020, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi tumpuan yang lebih kepada pembangunan teknologi hijau bagi memastikan Selangor menuju ke aras negeri melaksanakan pembangunan mampan secara holistik.

Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri bercadang melaksanakan pemasangan solar di bangunan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan mewujudkan kesukarelawanan hijau dalam kalangan komuniti setempat bagi melaksanakan program secara berkala bagi tujuan menghijaukan alam sekitar, mengindahkan landskap, menjaga kebersihan kawasan sekitar dan memastikan kawasan masing-masing bebas dari pembakaran terbuka serta pencemaran.

Mencatat sejarah

Kerajaan Negeri berjaya mewujudkan 16 'Friends of River' di sekitar Lembangan Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang serta menyasarkan 21 sahabat sungai akan digembleng dengan kerjasama pelbagai pihak pada 2020.

Selangor juga bertuah kerana dipilih The Ocean Cleanup, sebuah NGO dari Belanda dalam usaha membersihkan dan memberi nafas baharu kepada Sungai Klang yang menjadi jantung hati negeri ini.

Mesin Interceptor 002 kini menelusuri Sungai Klang dan menjadi bahagian penting sungai yang ikonik itu. Selangor sekali lagi mencatat sejarah sebagai yang pertama di rantau ini untuk memiliki teknologi sebegini dan bakal menjadi 'game changer' kepada inisiatif kelestarian alam serantau.

Menjunjung kasih titah Tuanku yang prihatin akan kepentingan Orang Asal dan peruntukan JAKOA yang semakin menurun, pentadbiran ini membuahkan tekad dengan menubuhkan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Orang Asal dengan peruntukan permulaan RM500,000 serta manfaat biasiswa Sagong Tasi yang diperluas kepada pelajar sekolah menengah agar tiada sesiapa ketinggalan dalam menikmati kemakmuran bersama hasil mahsul negeri yang kaya.

Surah As-Saf ayat keempat menekankan keutamaan untuk kita semua bersatu padu bermuafakat bagaikan 'bunyanum marsus'; "barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh."

Justeru amatlah mustahak bagi rakyat negeri ini untuk kekal bersatu padu menggembleng usaha memastikannya terus menerus maju dalam keadaan aman sentosa.

Raja Ali Haji nama disanjung
Penyebar ilmu membimbing bangsa
Agama budaya tetap dijunjung
Muafakat terjaga sejahtera nusa

Tan Sri Profesor Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas, seorang filasuf terkenal pernah menyampaikan suatu syarahan ulung berjudul Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu.

Menerusi syarahan itu, beliau menegaskan peranan besar Islam di alam Melayu dan rantau ini di samping mengakui hakikat kepelbagaian kebudayaan mahupun keyakinan yang wujud ratusan tahun lamanya sebelum kedatangan Islam yang murni itu.

Syahadan, Islam sebagai agama rahmat, hadir mencetuskan anjakan keilmuan dan pengetahuan. Manakala alam Melayu sebelum kedatangan Islam menumpukan kepada ketinggian penzahiran estetika, kedatangan Islam membawa bersamanya suatu letusan pengetahuan yang mulai berlayar ke pelabuhan tekstual.

Sejarah membuktikan kepada kita semenjak itu alam Melayu ini mulai dipengaruhi dengan keghairahan penulisan dan penerbitan sama ada dalam bidang akidah, fekah mahupun tawarikh. Letusan keilmuan ini mengkayakan kepustakaan Melayu serta Nusantara.

Pertahan kedaulatan Raja

Diilhami pengaruh bahasa Arab, lama kelamaan, ilmuwan alam Melayu seperti Syeikh Daud Al Fatani, Raja Ali Haji dan Syeikh Abdul Samad Al-Falembani mulai menzahirkan kebijaksanaan dan buah fikiran mereka menerusi bahasa Jawi yang kemudiannya dibentuk menjadi ruh kepada bahasa Melayu, bahasa pertuturan kepada Indonesia, Brunei dan juga bahasa Kebangsaan. Ini adalah antara sumbangan Islam yang tidak boleh sama sekali dinafikan.

Bersandarkan hakikat sejarah tersebut dan kebudayaan yang mengakar dalam akal sanubari umat rantau ini, makanya pemuka dan pejuang kemerdekaan telah memastikan kedaulatan Raja-Raja Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dinukil kemas dalam Perlembagaan Persekutuan.

BERSAMBUNG DI MUKA 14

EDARAN DIGITAL SELANGOR

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

DATUK BANDAR, AHLI-AHLI MAJLIS
DAN WARGA KERJA MBSA

Susur Galur
Kesultanan Selangor

KESULTANAN Selangor bermula di bawah pemerintahan Raja Lumu yang menjadi Yang Dipertuan Besar Selangor dan bergelar Sultan Salehuddin Shah (Sultan pertama) seawal tahun 1756. Kesultanan baginda diiktiraf Sultan Perak pada pertengahan kurun ke-18 walaupun berasal dalam kalangan orang Bugis, malahan ia turut membawa kepada pembebasan Selangor daripada kekuasaan kerajaan Johor ketika itu. Sultan Salehuddin mangkat pada tahun 1778 dan digantikan oleh putera baginda, Raja Ibrahim Marhum Saleh.

Raja Ibrahim Marhum Saleh kemudian bergelar Sultan Ibrahim Shah (Sultan kedua) dan sepanjang pemerintahan baginda, Selangor menempuh pelbagai peristiwa antaranya serangan tentera Belanda pada 13 Julai 1784 yang berjaya menawan kota Kuala Selangor. Diikuti perjanjian kerjasama antara kerajaan baginda dengan kerajaan Perak yang akhirnya membawa kepada perselisihan hutang piutang dan diselesaikan melalui campur tangan Gabenor Inggeris di Pulau Pinang, Robert Fullerton.

Putera Sultan Ibrahim, Raja Muda Muhammad menaiki takhta kerajaan Selangor bergelar Sultan Muhammad (Sultan ketiga) menggantikan ayahandanya yang mangkat pada 27 Oktober 1826.

Berikut salasilah kesultanan negeri itu membabitkan enam lagi Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor termasuk DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Sultan ke 4

SULTAN ABDUL SAMAD
1857 – 1898

Raja Abdul Samad adalah menantu Sultan Muhammad, melalui perkahwinan baginda dengan Raja Tipah. Pemerintahan Sultan Abdul Samad menjadikan perusahaan bijih timah berkembang pesat yang menarik minat penghijrahan orang Cina ke Selangor.

Ketika pemerintah Sultan Abdul Samad berlaku perang di antara Raja Mahdi dengan Raja Abdullah yang dikenali dengan Perang Klang. Walaupun Raja Mahdi pernah berjaya menduduki Klang, akhirnya dikalahkan oleh Raja Ismail, anak Raja Abdullah yang mendapat bantuan Tunku Kudin.

Kerajaan British telah campur tangan dalam pentadbiran kerajaan di Selangor ketika pemerintahan baginda. Residen British pertama telah dilantik pada tahun 1874 ialah J.G. Davidson. Kemudiannya pada tahun 1896, Selangor bergabung dengan Perak, Negeri Sembilan dan Pahang mewujudkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Sultan Abdul Samad mangkat di Istana Jugra pada 6 Februari 1898, ketika berusia 93 tahun dan dimakamkan di Kuala Jugra.

Sultan ke 5

SULTAN SIR ALAUDDIN SULEIMAN SHAH
1898 – 1938

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Alauddin Suleiman Shah ialah putera Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Musa Ibni Almarhum DYMM Sultan Abdul Samad yang diisytiharkan sebagai Sultan Selangor, pada 17 Februari 1898.

Ketika pemerintahan baginda, Selangor bertambah maju dengan hasil bumi seperti bijih timah dan arang batu. Baginda juga menukar bendera Selangor dan bendera tubuh sultan. Dalam kerancakan pertumbuhan ekonomi ini, baginda menandatangani surat perjanjian pembinaan Istana Mahkota Klang, pada 8 Julai 1899.

Sultan Alauddin Suleiman Shah melantik Raja Laut Ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah sebagai Raja Muda Selangor melalui Warta Kerajaan, pada November 1899. Empat tahun selepas itu, pada 6 November 1903, jam 4.00 petang baginda menganugerahkan gelaran Tengku Putera Mahkota Selangor kepada anakanda baginda, Tengku Musa Eddin. Manakala pada 7 November 1903 pula baginda menggelarkan isteri baginda Tengku Mahrum dengan gelaran Tuanku Ampuan Paduka Suri Selangor.

Pada bulan Mei 1904 isteri baginda, Tuanku Ampuan Mahrum mangkat di Klang dan dimakamkan di Bukit Jugra.

Penganugerahan gelaran Raja Muda Selangor oleh Sultan Alauddin Suleiman Shah kepada putera sulungnya, Tengku Musa Eddin, dibuat pada tahun 1919.

Seterusnya, pada tahun 1928 Sultan Alauddin Suleiman Shah menerima bintang Knight Grand Cross atau Dame Grand Cross (GCMG) daripada kerajaan British yang membawa gelaran Sir.

Pada 6 Julai 1936, Sultan Alauddin Suleiman berkenan menganugerahkan kepada Tengku Laksamana Tengku Alam Shah gelaran dan kehormatan Raja Muda manakala, Tengku Panglima Besar Tengku Badar Shah dianugerahkan gelaran dan kehormatan Raja Bendahara (Tengku Bendahara).

Pada 31 Mac 1938, jam 5.20 petang Sultan Sir Alauddin Suleiman Shah mangkat di Klang. Kemangkatan baginda diisytiharkan dengan 17 das tembakan meriam di Klang dan Kuala Lumpur. Jenazah baginda dimakamkan di Klang dan dikenali sebagai Marhum Atiqullah.

Sultan ke 6

SULTAN SIR HISHAMUDDIN ALAM SHAH AL-HAJ
1938 – 1942; 1945 – 1960

Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Alhaj diisytiharkan sebagai Sultan Selangor menggantikan ayahanda baginda yang mangkat pada tahun 1938. Di hari upacara pemakaman jenazah Sultan Alauddin Suleiman Shah, pada 4 April 1938 Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang mendapat kebenaran daripada Raja George Vl mengisytiharkan Raja Muda Alam Shah sebagai Sultan Selangor dengan gelaran Sultan Hishamuddin Alam Shah. Selepas pengisytiharan dibuat, jenazah Almarhum Sultan Alauddin Suleiman Shah dimakamkan.

Baginda ditabalkan sebagai Sultan Selangor pada 26 Januari 1939. Ketika pemerintahan baginda, Jepun melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu pada penghujung tahun 1941. Selepas Jepun berjaya menduduki Tanah Melayu melalui penyerahan tentera British pada 15 Februari 1942, kerajaan Tentera Jepun tidak mengiktiraf Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Al-haj sebagai Sultan Selangor dan melantik kakanda baginda Tengku Musa Eddin sebagai Sultan Selangor dengan gelaran Sultan Musa Ghiathuddin Shah. Namun begitu, apabila British kembali berkuasa di Tanah Melayu pada tahun 1945, ia melantik semula Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Al-haj sebagai Sultan Selangor.

Ketika pemerintah baginda, kerajaan British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946. Semua Raja Melayu termasuk Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Al-haj menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Malayan Union yang dibawa wakil kerajaan British, Sir Harold Mac Michael. Perjanjian ini menyerahkan semua kedaulatan kepada Raja England. Dengan itu, pada 1 April 1946 kerajaan Malayan Union ditubuhkan, di Tanah Melayu.

Malayan Union mendapat tentangan daripada orang Melayu. Raja Melayu juga tidak hadir dalam pengisytiharan Malayan Union. Akibat bantahan dan tentangan ini akhirnya Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu, pada 1 Februari 1948. Sejurus itu, pada tahun 1950, Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Alhaj mengisytiharkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, Bahagian Yang Kedua yang menyentuh waris takhta negeri.

Perjuangan menuntut kemerdekaan diteruskan dan akhirnya Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Al-haj yang bertakhta di atas kerajaan Selangor dilantik sebagai DYMM Yang di-Pertuan Agong (YDA) ke-2 pada tahun 1960. Selepas empat bulan menyandang jawatan YDA, baginda mangkat di Istana Tetamu, Kuala Lumpur, pada 1 September 1960.

Sultan ke 7

SULTAN MUSA GHIATHUDDIN SHAH AL-HAJ 1942 – 1945

Tengku Musa Eddin yang bergelar Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah adalah sultan bagi Selangor pada tahun 1942 hingga 1945, ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Tengku Musa Eddin adalah putera sulung Sultan Alauddin Suleiman Shah. Baginda dilahirkan dalam bulan Disember 1893.

Baginda mendapat pendidikan di Victoria Institution, Kuala Lumpur dan Kolej Melayu Kuala Kangsar. Pada tahun 1913 hingga 1916 Tengku Musa Eddin berkhidmat sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis (Melayu) Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Tengku Musa Eddin menjadi Juruiring (Aide De Coupe-ADC) kepada beberapa orang Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dari tahun 1920 hingga 1934.

Pada tahun 1920 beliau menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor dan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi menjadi Ahli Majlis Persekutuan pada tahun 1927 untuk menyusun semula Majlis Persekutuan.

Pada tahun 1933 Tengku Musa Eddin meletak jawatan dari Majlis Persekutuan. Tengku Musa Eddin adalah anak Melayu yang awal menyertai pasukan sukarela dan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda, pada tahun 1916.

Baginda juga adalah Ahli Lembaga Gabenor Kolej Melayu Kuala Kangsar, Timbalan Presiden Lembaga Pengurusan Petempatan Pertanian Melayu, Kuala Lumpur dan Ahli Jawatankuasa Kolej Perubatan King Edward Vll, Singapura.

Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah bersemayam di Istana Mahkota Klang dan banyak membantu kaum kerabat yang menghadapi masalah di masa pendudukan Jepun. Apabila Jepun menyerah kalah, pihak British menurunkan Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah dan meletakkan kembali Sultan Hishamuddin Alam Shah. Tengku Kelana Jaya Putera Tengku Musa Eddin mangkat pada 8 November 1955 di Kuala Lumpur. Jenazah baginda dimakamkan, di Makam Diraja Klang.

Sultan ke 8

SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ 1960 –2001

DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj adalah putera DYMM Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Alhaj dengan DYMM Tengku Ampuan Raja Hajah Jemaah binti Raja Ahmad. Baginda dilahirkan pada jam 3.30 petang, Isnin 8 Mac 1926 di Istana Bandar Temasya, Kuala Langat.

Ketika ayahanda baginda bersemayam di Bandar Temasya, Yang Amat Mulia (YAM) Tengku Abdul Aziz Shah mendapat didikan agama daripada seorang guru yang datang ke istana. Seterusnya, baginda belajar di Sekolah Melayu Pengkalan Batu, Klang.

Ketika belajar di sekolah ini, YAM Tengku Abdul Aziz Shah berkesempatan bergaul mesra dengan kanak-kanak orang biasa, khususnya dalam kelas yang sama dengan baginda. Selepas dua tahun belajar di Sekolah Melayu Pengkalan Batu, pada tahun 1934, baginda meneruskan pengajian ke Kolej Melayu Kuala Kangsar dan terpaksa pulang ke Klang pada tahun 1941 kerana meletusnya perang Pasifik.

Pada 1 Ogos 1946, YAM Tengku Abdul Aziz Shah dianugerahkan gelaran kebesaran Selangor, YAM Tengku Laksamana Selangor. Seterusnya pada 13 Mei 1950, YAM Tengku Laksamana Abdul Aziz Shah dianugerahkan gelaran DYTM Raja Muda Selangor. Selepas meninba ilmu dalam pentadbiran di pelbagai jabatan kerajaan, DYTM Tengku Laksamana Abdul Aziz Shah menceburi bidang ketenteraan, pada tahun 1952.

DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ditabalkan di atas takhta kerajaan Selangor dan DYMM Tengku Hajah Rahimah sebagai DYMM Tengku Ampuan Selangor pada hari Rabu, 28 Jun 1961. Upacara pertabalan dan pemahkotaan ini berlangsung di Istana Alam Shah, Klang.

Ketika bertakhta DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj mengambil berat terhadap agama, kemajuan negeri, kebudayaan, kebajikan rakyat dan pendidikan. Pada tahun 1999, DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-haj ditabalkan sebagai DYMM Sri Paduka Baginda (SPB) YDA Malaysia Ke-11.

Baginda mangkat pada 21 November tahun 2001 ketika memegang jawatan YDA dan jenazah Almarhum dimakamkan di Klang.

Sultan ke 9

DYTM Raja Muda Tengku Idris Shah dengan rasminya dimasyhurkan sebagai Sultan Selangor dengan gelaran DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah oleh Menteri Besar Selangor dengan persetujuan Dewan Diraja pada jam 3.00 petang, 22 November 2001.

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah diputerakan pada 24 Disember 1945 di Istana Jemaah, Klang. Baginda adalah putera sulung DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dengan Yang Mulia Raja Nor Saidatul Hisham binti Tengku Badar Shah. Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur, sebelum meneruskan pendidikan di Sekolah St. John Institution, pada tahun 1954 hingga 1959.

Pada bulan September, 1960 DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah dilantik sebagai DYTM Raja Muda Selangor ketika berusia 15 tahun. Pada tahun yang sama juga, baginda berangkat ke Perth, Australia untuk meneruskan pengajian sehingga tahun 1964. Kemudiannya, baginda meneruskan lagi pengajian ke England sehingga tahun 1968. Selepas pulang ke tanah air, baginda seterusnya berkhidmat di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Pejabat Daerah Kuala Lumpur dan Jabatan Polis di Kuala Lumpur.

Pada 23 Februari hingga 20 September 1969, ketika DYMM Sultan Selangor berangkat ke England, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah adalah Pengerusi Jumaah Pangkuan Diraja. Seterusnya, pada tahun 1970 dilangsungkan istiadat pelantikan sebagai DYTM Raja Muda. Pada tahun 1973, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah dianugerahkan Darjah Kerabat (D. K.) Selangor. Manakala, pada tahun 1974 ditauliahkan Mejar Kehormat Pasukan Angkatan Tentera. Seterusnya, pada tahun 1975 baginda dianugerahkan darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Johor (SPMJ) dan D.K. Terengganu pada tahun 1984.

Pada 24 April 1999, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah dilantik sebagai Pemangku Raja Selangor, ketika ayahanda baginda Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dilantik sebagai YDA ke-11. Ketika memangku takhta kerajaan Selangor, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah sentiasa turun padang menjengah keadaan rakyat di desa dan daerah.

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah memiliki hobi yang unik dan istimewa, misalnya membaca, fotografi, belajar, mengumpul sampul surat dan setem. Baginda dilantik sebagai Fellow of the Chartered Institute of Transport, dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pentadbiran Awam oleh UiTM pada 2001 dan sebagai Pro Canselor UiTM, pada 2000.

Pada masa sama, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah juga terbabit dalam sukan lasak dengan menamatkan kembara bermotor Peking-Paris pada tahun 1998. Baginda pernah belayar mengelilingi dunia dengan kapal S.Y. JUGRA sehingga nama baginda tercatat dalam The Malaysian Book of Records sebagai orang pertama belayar mengelilingi dunia.

Baginda dikurniakan dengan dua orang puteri iaitu YAM Tengku Zerafina dan YAM Tengku Zatashah, dan seorang putera, DYTM Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor.

Sumber: Portal rasmi Kerajaan Negeri Selangor & Felo Penyelidikan Kanan Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, ProfAbdullah Zakaria Ghazali

Tonton TVSelangor
selangortv.my

Sultan Selangor santuni rakyat

Tahlil, ziarah makam, derma amal hiasi hari keputeraan

SHAH ALAM - Satu majlis bacaan tahlil, Yasin dan doa selamat diadakan di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong di sini, pada 6 Disember lalu, sempena hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang ke-74, kali ini yang jatuh pada 11 Disember lalu.

Selepas majlis terbabit, baginda berkenan menunaikan solat Jumaat bersama lebih 2,000 jemaah di masjid berkenaan.

Turut berangkat bersama Sultan Selangor adalah Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah serta adinda baginda, Yang Amat Mulia (YAM) Tengku Laksamana Selangor, Tengku Sulaiman Shah Alhaj dan YAM Tengku Indera Setia Selangor, Tengku Ahmad Shah Alhaj.

Majlis berkaitan menyerlah keperibadian baginda yang mesra dan rapat dengan rakyat di samping menggalas tanggungjawab sebagai ketua agama Islam di Selangor.

Beberapa program lain turut diadakan sempena hari bersejarah itu termasuk Sultan Selangor menziarahi makam ayahanda baginda, Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj di Makam Diraja Klang di sini, pada 9 Disember lalu.

DARI MUKA 10

Kemudiannya, asas ini diabadikan sekali lagi menerusi Rukun Negara dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan agar menjadi pelantar kepada kesatuan serta keharmonian rakyat Malaysia.

Oleh kerana itu, patik sebagai Dato' Menteri Besar yang menyimpul akad serta menzahirkan taat setia kepada Sultan Selangor, tidak akan sama sekali mengingkari tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan sejajar dengan hasrat Perlembagaan Persekutuan.

Raja Haji pahlawan mahsyur
Fisabilillah gelar diberi
Selangor Maju rakyatnya makmur
Daulat Raja payungi negeri

Mengakhiri ucapan sembah taat setia hari ini, patik dan sekalian rakyat memohon ke hadrat Allah SWT semoga Tuanku dan Tengku Permaisuri Selangor dianugerahkan kesihatan berkekalan dalam kemanisan iman, dipelihara keselamatan dan kesejahteraan berpanjangan untuk terus memerintah Selangor dengan segala kemuliaan.

Doa sekalian rakyat juga dipanjatkan ke hadrat Allah SWT untuk Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah dan seterusnya kepada puteri-puteri dan adinda-adinda Tuanku, waris- waris serta kerabat DiRaja sekalian, semoga berada dalam keadaan kesejahteraan, dikurniakan taufik dan hidayah serta senantiasa dalam perlindungan Allah SWT.

Ucapan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-74 DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 11 Disember lalu.

Tengku Amir Shah turut bersama Baginda serta Dato' Menteri Besar, Dato'Seri Amirudin Shari; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohamad Amin Ahmad Ahya dan Mufti Selangor, Dato' Mohd Tamyes Abdul Wahid.

Sultan Sharafuddin Idris Shah juga menyempurnakan Istiadat Menyembahkan Air Doa Selamat di Balai Singgahsana, Istana Bukit Kayangan di sini, pada 10 Disember diiringi Tengku Amir Shah.

Disaksikan Amirudin, Exco Kerajaan Negeri, anggota kerabat Diraja Selangor dan dif kehormat, istiadat itu menyaksikan air doa selamat dipersembahkan kepada Sultan Selangor oleh adinda baginda, Tengku Panglima Besar Selangor, Tengku Abdul Samad Shah.

Baginda turut berkenan menyampaikan watikah pelantikan Ahli Dewan Diraja Selangor kepada Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang dalam Istiadat Angkat Sumpah Jawatan dan Pengurniaan Watikah Pelantikan Ahli Dewan Diraja Selangor.

Satu konsert khas iaitu Konsert Amal Diraja Malam Bulan Dipagar Bintang diadakan di Istana Budaya, Kuala Lumpur, pada malam 7 Disember dengan persembahan artis popular tanah air yang mendendangkan lagu Seniman Agung, Tan Sri P Ramlee.

Konsert bersama baginda turut dihadiri DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dengan hasil kutipan tiket disalurkan kepada Persatuan Veteran Radio Televisyen Malaysia bagi membiayai aktiviti kebajikan persatuan berkenaan.

Pada pagi 7 Disember, Tengku Permaisuri Norshikin merasmikan International Songket Run 2.0 anjuran Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) membabitkan lebih 5,000 peserta yang mencatat rekod Malaysia Books of Records (MBR).

Peserta yang mengenakan aneka busana bermotif songket mencipta rekod sebagai 'The Largest Participation In A Songket Runing Event' (Penyertaan Teramai Acara Larian Songket).

Pencapaian itu lanjutan kejayaan sebelumnya pada tahun lalu iaitu 'The Largest Number of People Wearing or Having Songket Elements As Part of Their Dressing'.

Tengku Amir Shah turut tidak ketinggalan menyertai Program Larian Menjunjung Kasih di Dataran Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Petaling Jaya pada 8 Disember bersama hampir 10,000 peserta bagi menjayakan acara istimewa hari keputeraan Sultan Selangor.

Raja Muda Selangor yang berlari dalam acara 10 kilometer tiba di garisan penamat dalam masa kurang 40 minit dan dikalungkan pingat oleh EXCO Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan, Mohd Khairuddin Othman.

EDARAN SELANGOR
DIGITAL

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

A Master Developer :

CENTRAL SPECTRUM

Flagship Developments & Initiatives :

PIIP Pulau Indah Industrial Park Malaysia

Selangor Halal Hub Pulau Indah Malaysia

SELANGOR BIOBAY

Wholly-owned Subsidiaries :

Halal International Selangor
Aspire Flagship Sdn. Bhd.

URBANCUBES SDN BHD
Facility Management

EDARAN DIGITAL SELANGORKINI

Tonton TVSelangor
selangortv.my

Sembah tahniah buat baginda

Rakyat aman di bawah naungan adil Tuanku

“Alhamdulillah, ketegasan Tuanku dalam memberikan teguran-teguran berkenaan perpaduan rakyat jelata menjadikan negeri Selangor sentiasa aman dan sentosa.
Bidalan Melayu ada mengatakan, “Ikut hakim memiat daging, sakit di awak, sakitlah orang.” Pemerintahan Duli Tuanku yang sentiasa adil dan saksama semakin menambahkan rasa kasih sayang seluruh rakyat di negeri ini terhadap Duli Tuanku.”

Tiang seri penegak rumah,
Dibawa dari negeri Acheh;
Raja adil penuh berhikmah,
Tempat rakyat menumpang kasih.

DATO’ MOHD AMIN AHMAD AHYA
■ **Setiausaha Kerajaan Negeri**

“Dengan hormat dan penuh takzim, patik merafak sembah mendoakan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor serta keluarga dilimpahkan rahmat, diberi kesihatan juga kesejahteraan selalu. Semoga Selangor terus kekal dalam keadaan aman damai, maju dan makmur di bawah naungan Tuanku.”

DATO’ NOR AZMIE DIRON
■ **Pegawai Kewangan Negeri**

“Semoga Tuanku di dalam rahmat dan perlindungan Allah SWT serta pemerintahan Tuanku terus subur juga kekal menjadi penaung kepada seluruh rakyat. Semoga seluruh naungan Tuanku di Selangor mendapat limpahan manfaat daripada kesinambungan hubungan raja dan rakyat serta mengangkat martabat institusi diraja yang berdaulat.”

DATO’ MOHD IMRAN TAMRIN
■ **Ahli Dewan Negeri Sungai Panjang**

“Patik serta seluruh warga kamar Penasihat Undang-Undang negeri merafak sembah dengan hormat dan penuh takzim, berdoa ke hadrat Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah, DYMM Tengku Permaisuri Norashikin dan keluarga sentiasa dalam lindungan Ilahi. Dianugerahkan kewibawaan dan kebesaran, darjat dan daulat, kehormatan serta kemuliaan, diberkati dengan kesihatan juga kesejahteraan. Dirgahayu Tuanku.”

DATO’ MASRI MOHD DAUD
■ **Penasihat Undang-Undang Negeri**

“Merafak sembah di atas Ulang Tahun Keputeraan ke-74. Semoga Tuanku sentiasa dirahmati, dilanjutkan usia dan dikurniakan kesihatan yang baik oleh-Nya. Semoga pemerintahan Tuanku akan dikurniakan Allah SWT dengan penuh keadilan, keamanan dan kemakmuran demi meneruskan kesepaduan serta keharmonian negeri.”

JAMALIAH JAMALUDDIN
■ **Ahli Dewan Negeri Bandar Utama**

“Dirgahayu, Selamat Menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ke-74. Semoga berkat limpah kurniaan Tuanku, Selangor terus maju pesat membangun dan rakyat terus sepakat membawa berkat daulat Tuanku.”

NG SUEE LIM
■ **Speaker Dewan Negeri Selangor**

“Ampun Tuanku, di kesempatan ini patik mengucapkan sembah tahniah dan Selamat Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah. Sesungguhnya Tuanku seorang yang sangat mesra rakyat dan menjaga kebajikan rakyatnya.”

SHAHARUDDIN TAHIRIN
■ **Penjawat Awam**

“Dengan segala kerendahan diri, patik mewakili warga Pertahanan dan Parlimen Kota Raja, merafak sembah taat setia dan menjunjung Duli Dirgahayu Tuanku. Pada hari yang bahagia ini, dengan segala hormat dan takzimnya, patik mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Tuanku sempena Ulang Tahun Keputeraan ke-74.”

MOHAMAD SABU
■ **Menteri Pertahanan / Ahli Parlimen Kota Raja**

“Patik mewakili Kementerian Wilayah Persekutuan dan sekalian rakyat negeri, merafak sembah taat setia dan menjunjung kasih tahniah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah serta segala daerah takluknya sempena Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke-74. Semoga Allah SWT menganugerahkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku kesihatan berkekalan dalam kemanisan iman dan kekal bersemayam di singgahsana dengan kemuliaan serta kebesarannya.”

KHALID SAMAD
■ **Menteri Wilayah Persekutuan /Ahli Parlimen Shah Alam**

“Ampun Tuanku, dengan segala kerendahan diri, patik merafak sembah taat setia dan menjunjung Duli Dirgahayu Tuanku. Semoga Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah sentiasa di bawah lindungan Allah SWT. Selamat Hari Keputeraan.”

NOOR SABRINA SAMSUDIN
■ **Penjawat Awam**

“Dengan penuh taat dan setia, patik merendah diri merafak sembah sempena Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah, semoga dilanjutkan usia dalam keafiatan dan sentiasa berada dalam lindungan-Nya. Semoga di bawah naungan Tuanku rakyat berbilang bangsa dan budaya hidup kukuh bersatu serta harmoni.”

M MATHAVAN
■ **Penjawat Awam**

“Patik mengucapkan Selamat Ulang Tahun Keputeraan ke-74. Didoakan Tuanku dilanjutkan usia dan semoga Selangor sentiasa aman di bawah pemerintahan Tuanku.”

BRUCE SEE
■ **Ahli Perniagaan**

EDARAN DIGITAL PERCUMA SELANGOR

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

YANG DIPERTUA, AHLI MAJLIS
DAN WARGA KUALA LANGAT

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

PENGERUSI, AHLI LEMBAGA PENGARAH, PENGARAH & KAKITANGAN

PUSTAKA RAJA TUN UDA

DAN

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

DAULAT TUANKU

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH DAN WARGA KERJA YAYASAN SELANGOR

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

YANG DIPERTUA, AHLI MAJLIS DAN WARGA AMPANG JAYA

Daulat Tuanku

Semoga Allah Lanjutkan Usia Tuanku

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat

Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Warga Kerja

Kumpulan Perangsang Selangor Berhad

EDARAN SELANGOR DIGITAL

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
(206347-V)

Dan Anak-Anak Syarikat

Tingkat 24 & 25 Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam. Tel: 03-5510 7105/7233/7234 Faks: 03-5510 7232 / 5512 9528
Emel: admin@pnsb.com.my Laman web: www.pnsb.com.my

EDISI DIGITAL SELANGORKINI

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

TIMBALAN YANG DIPERTUA, AHLI MAJLIS
DAN WARGA KERJA MAJLIS PERBANDARAN KLANG

DIGITAL

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA
SELURUH WARGA KERJA TOURISM SELANGOR

DIGITAL